

## **MSM KEKAL MENERAJUI PASARAN GULA DI MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR, MEI 10, 2016** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara dan anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), mencatatkan hasil keuntungan yang kukuh dan pertumbuhan pendapatan dari tahun sebelumnya walaupun berhadapan dengan persaingan pasaran domestik yang sengit dan kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia.

MSM mencatatkan pencapaian yang mengagumkan dalam sejarah 51 tahun syarikat, dengan peningkatan 7.11% dalam keuntungan selepas cukai (PAT) kepada RM275 juta berbanding RM257 juta tahun sebelumnya, disokong oleh penambahbaikan margin sebanyak 11.93% (TK2014: 11.27%). Keuntungan sebelum cukai (PBT) pula mencecah angka RM372 juta pada TK2015, berbanding dengan tahun sebelumnya RM344 juta, iaitu peningkatan sebanyak 10% .

Hasil Kumpulan pada TK2015 terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh kepada RM2.31 bilion (TK2014: RM2.28 bilion), disebabkan oleh peningkatan jumlah volum jualan sebanyak 4.53% bersamaan dengan 1,034,088 tan dari 989,290 tan pada TK2014. MSM juga mencatatkan jumlah pengeluaran tertinggi sebanyak 1,033,519 tan pada tahun 2015.

"Walaupun berhadapan cabaran nilai mata wang dan komoditi, kami tetap mencapai hasil pendapatan yang lumayan. Adalah menjadi polisi kewangan syarikat berpaksikan penilaian Forex yang strategik dan mekanisme lindung nilai gula mentah yang membantu kami menghadapi pelbagai ketidaktentuan dan kami berharap untuk mengekalkan prestasi ini pada 2016," berkata Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Mohamad Amri Sahari.

Dengan keputusan kewangannya yang kukuh, MSM juga berjaya memperoleh penjimatan kos kumpulan sebanyak RM17 juta. Antara faktornya adalah kos operasi yang lebih rendah, pengurusan kos bahan-bahan selain gula dan menyatukan fungsi perniagaan besar untuk beroperasi dengan lebih cekap. Langkah-langkah penjimatan kos dijangka berterusan pada 2016 dan akan diteruskan pada tahun 2017 dan 2018 untuk penjimatan lanjut.

"Kita menghadapi keadaan pasaran yang mencabar dan bersedia untuk membuat perubahan supaya dapat menyesuaikan diri. Dengan keadaan ini, fokus kami adalah untuk memberi kepuasan pelanggan yang cemerlang dan pulangan pemegang saham yang mantap melalui kitaran perniagaan dan pertumbuhan yang sihat menjadi elemen utama yang kami tumpukan," berkata Mohamad Amri.

Dengan keuntungan positif, para pemegang saham MSM bakal bermanfaat daripada dividen akhir sebanyak 14 sen sesaham yang berjumlah RM98.42 juta bagi TK2015. Pada TK2015. Jumlah keseluruhan dividen Kumpulan MSM bagi TK2015 adalah 26 sen sesaham. Ini diterjemahkan kepada jumlah pembayaran sebanyak RM182.78 juta dan nisbah pembayaran bersih sebanyak 66.39%, meningkat sebanyak 65.65% dari TK2014.

Mohamad Amri menambah, "Ketika pasaran gula dunia menunjukkan corak menurun, kita telah berjaya mencapai prestasi yang kukuh. Ini didorong oleh inisiatif pengurangan kos secara berkumpulan. Lantas, ini membolehkan kami untuk memberi tumpuan kepada pengurusan operasi agar kekal berdaya saing. Kami juga komited untuk meningkatkan nilai pemegang saham dengan memaksimumkan hasil keuntungan kami."

Dilengkapi dengan hasil keuntungan dan kedudukan kewangan yang kukuh, ditambah pula dengan prestasi terbaik pada TK2015 berbanding tempoh sebelumnya, MSM secara proaktif mencari rakan kongsi dan pakatan strategik untuk memberikan manfaat secara sinergi dalam segmen huluan dan hiliran.

Kumpulan MSM disokong oleh hab perdagangan yang baru dirasmikan di Dubai, yang bertanggungjawab menguruskan aktiviti perdagangan gula mentah dan bertapis untuk memenuhi permintaan di rantau Timur Tengah & Afrika Utara (MENA).

Pejabat MSM Dubai akan disokong oleh sebuah pejabat perwakilan yang bakal berpusat di Jakarta, Indonesia dalam membantu transaksi bisnes para pelanggan dan juga bertindak sebagai laluan ke pasaran lain terutama di rantau Asia Pasifik.

Satu lagi inisiatif yang masih dalam pembinaan adalah pentauliahan MSM Johor, yang dijangka beroperasi pada suku akhir 2017. Pada bulan Mac yang lalu, majlis pecah tanah telah dilangsungkan dan bakal menjadikan MSM Johor sebagai kilang penapis gula bersepadu yang terbesar di Malaysia dengan sasaran kapasiti pengeluaran sebanyak satu juta tan gula bertapis setahun, berbanding sebelumnya sebanyak 1.25 juta tan sahaja,

gabungan volum yang dihasilkan oleh MSM Prai dan MSM Perlis. Ini membolehkan MSM untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran tahunannya kepada 2.25 juta tan menjelang 2018.

Dilengkapi dengan teknologi terkini dan penjimatan tenaga, ia mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran untuk memenuhi 100 peratus permintaan gula tempatan. Manakala, kapasiti berlebihan pula untuk dijual kepada pasaran eksport. Pada masa yang sama, dianggarkan 30 hingga 50 peratus kos pemprosesan gula bakal dikurangkan.

“Dengan adanya MSM Dubai dan MSM Johor, keupayaan MSM untuk menjadi syarikat gula terkemuka dunia diperkuuhkan. Modal perniagaan yang unik serta digabungkan dengan strategi perniagaan MSM Dubai dan MSM Johor akan memberi tumpuan kepada bekalan berskala besar, keupayaan logistik dan integrasi rantaian bekalan, daripada pihak pengeluar kepada pelanggan. Rancangan pengembangan sedang dijalankan untuk menubuhkan pejabat perwakilan terletak di negara-negara yang bersesuaian untuk fasa seterusnya,” berkata Mohamad Amri.

Untuk pelan pengembangan masa hadapan, MSM melihat negara Indonesia, China dan India sebagai pelaburan jangka panjang yang strategik. Lantaran itu, ia juga pencetus untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan. Selain itu, pengambilalihan dan/atau kerjasama dengan syarikat tempatan dari negara tersebut akan mendapat manfaat Kumpulan dari segi 50 tahun pengalaman dalam industri gula.

Kini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik sebanyak 65% dan bertekad untuk meningkatkan lagi penguasaan pasaran kepada 80% melalui kilang penapisan Johor sebagai pemangkin masa hadapan.

MSM kini bersedia untuk mengukuhkan lagi daya saing syarikat dalam pasaran tempatan dan eksport seterusnya bergerak seiring ke arah matlamat menjadi antara 10 pemain utama gula global menjelang 2020.

**-TAMAT-**

### **Tentang MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), diperbadankan pada 10 Mac 2011 selaku peneraju pengeluar gula Malaysia. Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 28 Jun 2011 dan telah muncul sebagai salah satu daripada 50 syarikat utama yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM3.5 bilion (sehingga 2015).

Secara dasarnya, MSM mengoperasikan perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM menghasilkan, memasar serta menjual produk gula bertapis. Syarikat ini juga menjalankan perniagaannya menerusi dua buah anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. Tambahan lagi, MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Pada Oktober 2015, MSM Trading International DMCC, berpengakalan di Dubai, EAB ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti dagangan gula Kumpulan.

Kini, MSM memiliki kapasiti pengeluaran gula tahunan yang mengagumkan iaitu 1.25 juta tan gula bertapis. Pada 2015, MSM telah menghasilkan 1,033,519 tan gula bertapis, rekod tertinggi dalam sejarah syarikat dan 17% adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport. Pada masa ini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik sebanyak 65%.

Syarikat juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi:*

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Muhammad Aniz Mohd Azmi**

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

[aniz.ma@msmsugar.com](mailto:aniz.ma@msmsugar.com)